

KOMPILASI SOALAN DAN JAWAPAN
SEMINAR PERCUKAIAN KEBANGSAAN BELANJAWAN 2026
PADA 14 OKTOBER 2025
DEWAN BANGSAWAN, MENARA HASIL CYBERJAYA
(Dikemaskini sehingga 28 Januari 2026)

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
ACCELERATED CAPITAL ALLOWANCE (ACA)		
1	ACA on capital expenditure for plant, machinery, ICT equipment: 1. Effective date interpretation "11 Oct 2025 to 31 Dec 2026" - does this apply to date of purchase, payment or asset usage?	Cadangan pindaan ini berkuat kuasa bagi perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan mulai 11 Oktober 2025 hingga 31 Disember 2026. Perincian akan dinyatakan dalam perundangan subsidiari.
2	ACA for heavy machinery included transportation Buses ?	Tidak. Pemberian ACA hanya kepada jentera berat dan jentera am. Bas merupakan kenderaan penumpang dan bukannya jentera berat atau am.
3	Dibawah tajuk Cukai Korporat, topik Elaun Modal Dipercepat (ACA), adakah ini turut berguna pakai untuk pengiraan elaun modal perniagaan milikan tunggal dan perkongsian	Ya. Insentif boleh terpakai bagi perniagaan milikan tunggal atau perkongsian melainkan terdapat sekatan tuntutan terhadap kepada jenis syarikat yang layak yang boleh menuntut ACA tersebut.
4	For the ACA. If the SME purchase from local trader, they will not know whether the machine is manufactured local or overseas. How do we go above it	ACA diberikan kepada loji dan mesin yang diperoleh secara langsung daripada pengeluar tempatan sahaja. Dokumen yang diperlukan adalah pengesahan daripada pengeluar tempatan berhubung lesen pengilang atau pengeluar yang dikecualikan daripada memegang lesen pengilang di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 atau dokumen sumber yang lain. Maklumat lanjut akan diperincikan di dalam perundangan subsidiari yang akan diwartakan.
5	Please clarify "local manufacturers" under the ACA proposal. If the machinery is locally manufactured but taxpayer bought through a dealer, is that machinery qualify for ACA?	Tidak layak. Pengeluar tempatan merujuk kepada pengeluar jentera berat atau jentera am yang memegang lesen pengilang atau pengeluar yang dikecualikan daripada memegang lesen pengilang di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 [Akta 156].
6	for ACA ICT also need purchase from locally?	Tidak.
7	Can a company claim ACA - Initial Allowance of 20% and Annual Allowance of 40% for the purchase of tax software or accounting software?	Secara amnya, tuntutan dibenarkan bagi pembelian peralatan ICT dan pakej perisian komputer. Jenis-jenis perisian komputer yang boleh dituntut akan diperincikan dalam perundangan subsidiari.
8	ACA for plant, machinery, ICT equipment. Scope of Local Manufacturers - what is the scope (reseller / distributor inc?). Any verification needed?	Perincian akan dinyatakan dalam perundangan subsidiari.

9	ACA 20% & 40% - Purchase of computer software eligible? How to differentiate whether a computer software referring to a fixed asset item that eligible to claim ACA or is it a royalty in nature	Perisian komputer yang layak akan disenaraikan dalam perundangan subsidiari yang akan diwartakan.
10	ACA on capital expenditure for plant, machinery, ICT equipment incurred from "11 Oct 2025 to 31 Dec 2026" applicable to sole prop (Form B) & partnership (Form P) fir YA2025 and YA2026?	Penentuan polisi oleh MOF.
AGIHAN KEUNTUNGAN PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD (PLT)		
11	If an individual has dividend income exceeding RM100, 000 and profit distribution from. LLP exceeding RM100, 000, then the individual can deduct a total of RM200, 000 to report in tax return	Pendapatan dividen dan agihan keuntungan PLT melebihi nilai ambang RM100,000 yang dibayar, diagihkan dan dikreditkan kepada individu pemastautin perlu dilaporkan secara berasingan mengikut ruangan jenis pendapatan masing-masing di dalam borang nyata.
12	refer to sldies 6, the 2% tax on profit distribution from LLP will be part of combine with Tax on Dividend 2%? the caulculatation is separate calculation or jointly together ?	
13	The 100k dividend for individuals for llp to combine with dividend from company?	
14	The additional 2% tax on PLT income , is it resulted double taxation?	PLT merupakan entiti perniagaan hanya membayar satu cukai iaitu cukai syarikat manakala cukai 2 % akan dibayar oleh pekongsi individu. Penetapan kadar 2 % merupakan kadar minimum berbanding 6 % dan tidak membebankan pekongsi individu. Ini berdasarkan perbezaan di antara kadar cukai PLT pada 24 % dengan kadar cukai individu yang sepatutnya dikenakan mengikut kadar cukai progresif sehingga 30 % ke atas pendapatan penggajian. Oleh itu, tiada wujud elemen cukai berganda.
15	Bagi ahli kongsi PLT yang bukan mastatutin, dan Pekongsi tidak domisial di Malaysia, adakah bayaran 2% melalui kaedah cukai pegangan?	Tidak. Pekongsi individu bukan pemastautin perlu mengemukakan borang nyata (Borang M) bagi melaporkan pendapatan daripada agihan keuntungan yang diterima.
16	Dividend tax - If I'm a shareholder of a Sdn Bhd , which received RM 80k dividend income from Sdn Bhd and received RM80k from PLT . Will my income from both co subject to tax ?	Pendapatan dividen RM80,000 tidak tertakluk kepada cukai dividen dan agihan keuntungan RM80,000 daripada PLT juga tidak tertakluk kepada cukai agihan keuntungan daripada PLT kerana setiap pendapatan tersebut tidak melebihi nilai ambang RM100,000.

17	100k threshold for dividend and profit distribution from LLP is separated? i.e. if Individual A received dividend RM80k and profit distribution RM80k, 2% tax will not be triggered	Ya.
18	Exemption PLT Distribution of profit & Dividend applies separately, RM100,000 for dividend income and another RM100,000 for PLT profit distribution? Please confirm if this is correct	Ya.
19	How to determine profit distributed for 2% LLP? As there are no dividend voucher or any other official doc and LLP profit is only "distributed" by way of drawing from partner's current account.	Penentuan adalah berdasarkan agihan keuntungan PLT yang dibayar, diagihkan dan dikreditkan kepada pekongsi.
20	Could you please confirm if the conditions for tax exemption on foreign-sourced dividend income received in Malaysia by companies, LLPs, and individuals carrying on a partnership remain unchanged?	Ya.
21	LLP Partners to file tax return by 30 June. The LLP entity has up to 7 months from the day after the accounting period ends. There could be delay by the LLP to provide information to the partner	Agihan keuntungan PLT dibayar, dikreditkan / diagihkan kepada pekongsi PLT individu pada tahun taksiran tersebut. Oleh itu, tiada keperluan untuk menunggu sehingga tarikh akhir pengemukaan BNCP PLT.
22	Agihan pendapatan LLP. Bilakah tarikh agihan pendapatan LLP bagi ahli kongsi dianggap diterima? Adakah mengikut prinsip paid/credited/distributed? Jika pekongsi mengekalkan agihan dalam RE?	Agihan pendapatan PLT bagi ahli kongsi dianggap diterima apabila agihan keuntungan PLT dibayar, dikreditkan / diagihkan kepada pekongsi PLT individu pada tahun taksiran tersebut.
CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH (CKHT)		
23	RPGT can be paid via instalment - would it be considered as late payment with penalty?	Sekiranya cukai kena dibayar layak dikenakan kenaikan cukai di bawah seksyen 21(4) ACKHT, ansuran yang dibenarkan adalah termasuk kenaikan cukai tersebut.
24	For settlement of balance of RPGT payable by instalment, will this be free of penalty?	
25	Disposal of shares by shareholders in CO who carry on business as developer where land & dev. expenditure is shown in audited a/c as other assets not FA, is the trsf of share by shareholders sub CKHT?	Tanpa mengambil kira klasifikasi dalam akaun beraudit, pelupus tertakluk kepada CKHT sekiranya saham yang dipegang adalah saham syarikat harta tanah menurut perenggan 34A Jadual 2 ACKHT.
26	What would be the standard trigger for DGIR to revoke appointment of tax agents for RPGT?	Pindaan ACKHT tiada kaitan dengan pembatalan lantikan ejen cukai tetapi ejen bagi tujuan pungutan cukai.

27	changes to RPGT regime should be based on the SPA date ie after 1/1/26 and not the date of filing of e-CKHT as there are cases that pending state consent to be obtained only ckht can only be filed.	Tarikh pengemukaan e-CKHT adalah merujuk kepada tarikh pelupusan. Dalam kes perjanjian bersyarat yang memerlukan kebenaran kerajaan negeri, tarikh pelupusan adalah pada tarikh kebenaran tersebut diperoleh.
CUKAI KEUNTUNGAN MODAL (CKM)		
28	CGT disposal now includes redemption, conversion, winding up and dissolution wef 1 Jan 2026 - does it mean it only applies prospectively?	Pindaan definisi pelupusan adalah untuk menjelaskan layanan sedia ada yang mengenakan CKM atas keuntungan daripada transaksi <i>redemption, conversion, winding up and dissolution</i> , maka ianya terpakai dari awal pengenalan CKM.
29	How would CGT be calculated in a share conversion situation	Harga pelupusan bagi transaksi pertukaran adalah merujuk kepada nilai saham baharu yang diterima.
30	Is CGT applicable on the disposal of capital assets by a nominee to another nominee, where there is no change in beneficial owner?	Pindah milik antara nomini sebagai pemilik berdaftar dan tidak melibatkan perubahan benefisiari serta hak/kepentingan benefisial atas harta amanah masih milik benefisiari tidak dianggap sebagai suatu pelupusan CKM.
31	CGT disposal now includes redemption, conversion, winding up and dissolution wef 1 Jan 2026 - does it mean it only applies prospectively?	Pindaan definisi pelupusan adalah untuk menjelaskan layanan sedia ada yang mengenakan CKM atas keuntungan daripada transaksi <i>redemption, conversion, winding up and dissolution</i> .
32	CGT applies on liquidation. If there is no remaining fund to be distributed to shareholder, disposal consideration is regarded as Nil?	Ya. Sekiranya pemegang saham tidak menerima apa-apa agihan susulan daripada transaksi pembubaran, maka harga pelupusan adalah tiada.
33	Determination of market value of the share for CGT - If the Net tangible assets value (NTA) method is applied, what is the market value if the NTA is in negative amount? The market value is RM Nil?	Ya. Walau bagaimanapun, nilai pasaran saham boleh ditentukan dengan kaedah lain yang lebih bersesuaian.
34	Disposal of capital assets - what does it mean by the shareholder's rights are extinguished in a case of winding up / dissolution of a company?	Hak dan kepentingan atas saham terhapus apabila penyata mesyuarat terakhir dan penyata akaun dimuktamadkan.
35	CGT disposal includes conversion, does it mean conversion from say Class A to Class B shares? But in that case the shares are still existing, just features have changed?	Pihak kami memerlukan penjelasan lanjut berhubung soalan tersebut bagi membolehkan maklum balas yang sewajarnya diberikan.
36	Is voluntary winding up of a company required to submit CGT? Is it from the date of appointment of liquidator will be the date of disposal?	Apa-apa agihan modal dalam bentuk wang atau nilai wang yang diterima oleh pemegang saham daripada transaksi penggulangan syarikat adalah tertakluk kepada CKM. Oleh itu, Pemegang saham perlu mengemukakan BNCKM. Tarikh pelupusan dalam transaksi penggulangan adalah pada tarikh penyata mesyuarat terakhir dan penyata akaun dimuktamadkan atau pada tarikh di mana kesemua pulangan modal daripada transaksi penggulangan itu telah diterima oleh pelupus, yang mana lebih awal.

37	CGT disposal based on current guideline it already include redemption, so it come effect 1/1/26?	Pindaan definisi pelupusan adalah untuk menjelaskan layanan sedia ada yang mengenakan CKM atas keuntungan daripada transaksi <i>redemption, conversion, winding up and dissolution</i> .
38	Striking off a company will be subject to "Capital Gain Tax"?	Ya.
39	Where the holding company liquidates its subsidiary, e-CGT has to be submitted? In the e-CGT form, who is the "Acquirer"?	Ya, BNCKM perlu dihantar oleh <i>holding company</i> sebagai pelupus. Mulai 1.1.2026, ruangan bagi "pemeroleh" dalam BNCKM boleh diabaikan.
40	For CGT purposes, when a company reduces its share capital amount but the number of shares remains the same, is this subject to CGT?	Ya. amaun yang diterima oleh pemegang saham tertakluk kepada CGT.
41	CGT for disposal by nominees wef 1 Jan 2026, what about disposal in 2025? Who should be taxed?	Pemilik benefisial tertakluk kepada CGT walaupun pelupusan saham dilakukan oleh nomini.
42	For date of disposal for CGT - "tarikh balasan diterima", does it mean "whole balasan" or "part balasan". Commercially, there is normally a schedule for payment before the share is transferred	Tarikh balasan diterima merujuk kepada tarikh kesemua amaun atau nilai balasan untuk pelupusan itu telah diterima oleh pembayar cukai.
43	For CGT filed for liquidation without liquidation proceeds, when is the disposal date?	Tarikh pelupusan adalah tarikh penyata mesyuarat terakhir dan penyata akaun dimuktamadkan.
44	For extinguishment of shares, perhaps should consider the "later of date" between date of extinguishment and date of receipt of consideration (instead of the "earlier of date") to ease administration	Cadangan diambil maklum.
45	For CGT, how do we determine acquisition price of the shares that are now disposed?	Penentuan dan pengiraan harga pelupusan, harga pemerolehan dan laba atau keuntungan daripada pelupusan saham boleh dirujuk dalam Garis Panduan Cukai Keuntungan Modal Bagi Saham Tidak Tersenarai bertarikh 21 Julai 2025 di Portal Rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my
46	Given redemption of redeemable preference shares (RPS) is included in the definition of disposal, please confirm that the disposal price is the redemption value agreed by the issuer and holder	Harga pelupusan adalah amaun yang diterima bagi penebusan saham tersebut.
47	CGT - PU order 289/2024 provided that application of exemption be made after period of 3 years from date of disposal of shares. Question- do we indicate Yes or No for exemption in CGT form	Permohonan pengecualian hanya boleh dibuat selepas 3 tahun daripada tarikh pelupusan saham, maka pelupusan tersebut belum layak mendapat pengecualian menurut P.U.(A) 289/2024. Oleh kerana kelulusan pengecualian CKM di bawah P.U. (A) 290/2024 belum diperolehi, pelupus hendaklah mengisi "Tidak" di Bahagian B5 dalam BNCKM semasa mengemukakan secara e-Filing.
48	CGT-corporate shareholder: If a company makes a capital repayment without reducing shareholding, is the 60-day CGT return based on payment date or after company winding up?	Tarikh pelupusan adalah pada tarikh di mana kesemua pemulangan modal daripada transaksi penggulungan itu telah diterima oleh pelupus atau pada tarikh penyata mesyuarat terakhir dan penyata akaun dimuktamadkan, yang mana lebih awal.

49	Given redemption of redeemable preference shares (RPS) is included in the definition of disposal, please confirm that the disposal price is the redemption value agreed by the issuer and holder	Harga pelupusan RPS adalah amaun yang diterima bagi penebusan saham tersebut.
50	What is the CGT treatment for the disposal of shares, without consideration, held by a holding company in its subsidiary, where the subsidiary is undergoing strike off?	Hak pembayar cukai dalam syarikat yang akan <i>strike off</i> akan terhapus apabila nama syarikat yang dipotong diwartakan. Oleh itu, pembayar cukai dianggap melupuskan saham dalam syarikat tersebut.
51	CGT: If a company makes a capital repayment w/out reducing shareholding (eg. excess funds after all expenditures), the 60-day CGT return based on payment date or after company winding up?	Tarikh pelupusan adalah pada tarikh di mana kesemua pemulangan modal daripada transaksi penggulangan itu telah diterima oleh pelupus atau pada tarikh penyata mesyuarat terakhir dan penyata akaun dimuktamadkan, yang mana lebih awal.
52	After the share transaction under RPC was cancelled, the com. received a 'forfeited deposit. Is it amount received subject to income tax, not taxable, or does it fall under the calculation of RPC?	Deposit yang terlucut hak yang diterima oleh pelupus berhubung pelupusan terbatal akan digunakan dalam menentukan harga pemerolehan saham bagi pelupusan saham yang sama pada masa akan datang.
DUTI SETEM		
53	Does the employers still need to submit stamp duty return for employment contracts with wages not exceeding RM3,000 which are exempted?	Ya. Surat cara tersebut hendaklah disetamkan dengan indorsmen Pemungut bahawa ianya dikecualikan daripada duti setem.
54	What happens if the transfer is to both parties (1 Foreign Purchaser & 1 Malaysian permanent residents) in same agreement - how will the IRB assess the stamp duty for this?	Duti setem dikenakan ke atas setiap pembayar duti mengikut bahagian masing-masing.
55	For the stamp duty for property ownership by non citizen, what about the property is share name between a non citizen and a malaysia citizen?	Berdasarkan layanan semasa, semakan pada syarat nyata dibuat untuk menentukan status kelayakan sebarang pengecualian atau peremitan bagi rumah kediaman. Buat masa ini, hanya P.U.(A) 301/2021 sahaja yang mengiktiraf SOHO dan <i>service apartment</i> sebagai rumah kediaman.
56	How does the Stamp Office treat serviced apartments, SOHO/SoVo, or properties on "commercial" land titles used as residences?	
57	Please confirm that for other property types (e.g., commercial, industrial, agricultural land), the stamp duty should continue at the existing 4% fixed rate?	Ya. Butiran 32(aa) mengenakan duti pada kadar 4% kepada hartanah selain daripada rumah kediaman yang dipindahmilik kepada individu bukan warganegara (kecuali Penduduk Tetap Malaysia) dan syarikat asing.
58	are engagement letters (audit / tax / lawyer etc) subject to stamp duty? if yes, what is the rate?	Sekiranya bersifat "contract for service" di mana tiada hubungan <i>master-servant</i> terjadi, duti akan dikenakan bagi kategori "Service" di bawah Butiran 22.
59	Stamp duty exemption for wages below RM3000. May we know the RM3000 only on basic pay or plus all allowances paid together with the basic pay	Gaji RM3,000 adalah termasuk dengan elaun yang diberikan oleh majikan.

60	Do the digital consent serves as the official and legally binding date signed for any consent form/ agreement by a simple clicking on online portal "I Agree" which is subject to stamp duty payment?	Ya. Ia dikira sebagai suatu surat cara bertulis yang layak dikenakan duti mengikut Akta Setem 1949.
61	Kalau warganegara beli rumah yang dimiliki bukan warganegara, adakah duti setem masih 1% to 4% kerana pihak membayar duti adalah warganegara?	Ya, duti setem dikenakan ke atas pembeli (warganegara) pada kadar semasa 1% - 4%.
62	Nilai Ambang Gaji bagi Kontrak Penggajian yang dikecualikan dari kenaan duti setem RM300 kepada RM 3000, Ada apa syarat ke? Termasuk RM 3000?	Gaji RM3,000 adalah termasuk dengan elaun yang diberikan oleh majikan.
63	Does the director who receive director fee per annum without receive monthly director remuneration still need to do the stamping of employment contract?	Ya, surat cara perlu disetamkan. Walau bagaimanapun, kadar duti bergantung kepada kandungan surat cara. Jika tiada hubungan majikan-pekerja, maka surat cara boleh dikenakan duti sebagai suatu perkhidmatan yang boleh dikenakan duti di bawah Butiran 22.
64	An employee was recruited and given RM 2,900. After probation period, his income was increased to RM 3100. Do I need prepare any documents and stamp it? Can I just notify him by state in pymt voucher?	Keperluan untuk menyediakan dokumen adalah bergantung kepada pihak majikan dan pekerja. Jika terdapat surat cara yang disempurnakan oleh kedua-dua pihak, maka ia perlu disetamkan. Seandainya baucar bayaran boleh membentuk suatu perjanjian antara 2 pihak, maka ianya perlu disetamkan.
65	P. 40 new staff with salary not more than Rm3, 000 is exempted from stamp duty, still need to submit stamp duty return wef 1.1.2026?	Ya. Surat cara perlu dikemukakan untuk pengindorsan Pemungut bahawa ianya dikecualikan daripada duti setem.
66	Kontrak penggajian lebih dari RM3000 adalah dikecualikan duti stamp. Adakah ini bermakna tidak perlu untuk membuat stamping? Atau pun, perlu mengemukakan permohonan, dengan nilai duti stamp RM0. 00	Kontrak penggajian yang melebihi RM3,000 adalah dikenakan duti. Pengecualian adalah bagi kontrak tidak melebihi daripada RM3,000. Penyeteman masih perlu dibuat untuk pengindorsan Pemungut bahawa ianya dikecualikan daripada duti setem.
67	For stamp duty exemption proposed for structured warrants - is this still applicable for "buy-side transactions" only as per tax measures / Appendix to budget speech?	Ya, Pengecualian diberikan atas surat cara nota kontrak bagi transaksi pembelian sahaja.
68	Still need to submit stamp duty for employment contract (say not exceeding RM3000) for year 2025?	Ya. Surat cara perlu dikemukakan untuk pengindorsan Pemungut bahawa ianya dikecualikan daripada duti setem.
69	Would like to clarify, only employment contract Year 2025 onwards need to be stamped? How about employees who employed before Year 2025? And, if they resign, need to do cancel of stamp?	Bagi surat cara yang disempurnakan sebelum 1 Jan 2025, surat cara masih perlu dikemukakan kepada Pemungut untuk penyeteman. Duti ke atas surat cara adalah dikecualikan menurut Sek. 80(1A) dan peremitan penalti di bawah subsek. 47A(2). Surat cara mulai 1 Jan 2025 hingga 31 Dis 2025 dikenakan duti dan penalti diremitkan di bawah subsek. 47A(2). Surat cara yang disempurnakan mulai tahun 2026 adalah tertakluk kepada kenaan duti dan penalti sewajarnya. Walaupun terdapat pekerja yang telah berhenti dari penggajian, surat cara masih perlu disetamkan.

70	If the SPA of the foreigner was signed in 2025 but pending state consent to be obtained by the time the stamp duties of transfer to be paid is already 2026, so how much is the rate of the stamp duties	Perundangan semasa pada tarikh surat cara dikemukakan untuk penyeteman adalah terpakai. Jika surat cara dikemukakan untuk penyeteman pada tarikh selepas 1 Januari 2026, maka kadar baharu 8% bagi pindah milik hartanah kepada warganegara asing (tidak termasuk Penduduk Tetap Malaysia) dan syarikat asing adalah terpakai.
71	the implementation of stamp duties for foreigner from 4% to 8% should be based on the date of SPA, as this sudden change is not fair to foreigners as when the purchased the property is at 4%.	Kadar duti dari 4% kepada 8% seperti diumumkan dalam Belanjawan 2026 adalah berkuat kuasa pada 1 Januari 2026. Kadar duti yang dikenakan merupakan kadar duti yang berkuat kuasa pada masa itu, iaitu pada masa surat cara dikemukakan untuk taksiran duti setem. Oleh itu, jika surat cara dikemukakan kepada Pemungut bermula 1 Januari 2026, maka kadar 8% adalah terpakai.
72	Employment contract stamping. 1- those joined before 2025 still need to submit or exempted? 2- those who left the company in 2025 need to submit?	1. Kontrak penggajian yang melebihi RM3,000 adalah dikenakan duti. Pengecualian adalah bagi kontrak tidak melebihi daripada RM3,000. Penyeteman masih perlu dibuat untuk pengindorsan Pemungut bahawa ianya dikecualikan daripada duti setem. 2. Semua kontrak penggajian yang disempurnakan hendaklah dikemukakan kepada Pemungut untuk disetamkan sewajarnya.
73	what about stamp duties for foreigner who are under MM2H?	Tiada pengecualian diberikan kepada peserta MM2H yang merupakan individu bukan warganegara kecuali Penduduk Tetap Malaysia dan syarikat asing.
74	Proposal for stamp duty for exchange of real property - this seems to also have been covered in last year's SPK. How is this year's proposal different?	Pindaan hanya dibuat di Jadual Ketiga untuk menjelaskan pihak yang kena membuat bayaran duti mengikut nilai hartanah yang diterima masing-masing.
75	For remission of penalty on SD, does the remission referring to revision of return during 2026 or any instrument executed in 2026, if there is any mistake, would be remitted?	Remisi penalti diberikan bagi kesalahan berkaitan mengemukakan penyata surat cara Fasa 1 yang tidak tepat sahaja. Remisi tidak terpakai kepada surat cara selain dari Fasa 1. Penerangan lanjut dalam bentuk Garis Panduan akan diberikan.
76	For SD exemption on first residential, instrument of transfer refer to MOT or SPA signed ? We are confuse	MOT.
77	Must the taxpayer voluntary submit a revised stamp duty return to correct the error in the original stamp duty return submitted in FY2026 in order to entitle to the penalty remission?	Mana-mana pembayar duti yang menyedari terdapat kesalahan atau kekurangan maklumat dalam penyata yang telah dikemukakan yang menyebabkan duti yang dikenakan terkurang, boleh mengemaskini dalam tempoh layanan khas remisi tanpa dikenakan penalti di bawah subseksyen 72D(2) Akta Setem 1949.
78	Whether the employment contract stamp after the probation period? whether the said contract stamped for internal record? Any possibility to cut cost by group stamping(list of employees)	Surat cara hendaklah disetamkan dalam tempoh 30 hari dari tarikh surat cara ditandatangani.

79	please consider a transition period for changes that involved stamp duty rate and RPGT for SPA that is signed in 2025 but to be completed in 2026	Kadar duti dari 4% kepada 8% seperti diumumkan dalam Belanjawan 2026 adalah berkuat kuasa pada 1 Januari 2026. Kadar duti yang dikenakan merupakan kadar duti yang berkuat kuasa pada masa itu, iaitu pada masa surat cara dikemukakan untuk taksiran duti setem. Oleh itu, jika surat cara dikemukakan kepada Pemungut bermula 1 Januari 2026, maka kadar 8% adalah terpakai. Sebarang konsesi atau pertimbangan khas adalah tertakluk kepada keputusan polisi.
80	Where can we find the stamp duty rates for all type of transactions?	Kadar duti ada dinyatakan dalam Jadual Pertama Akta Setem 1949.
81	Proposed 8% flat rate applies to foreign buyers of residential homes—can IRB clarify how we can determine “residential homes”? Is it by land title?	Pindaan akta dibuat bagi memasukkan definisi rumah kediaman dalam seksyen 2 Akta Setem 1949.
82	When will IRB issued the stamp duty SAS guideline?	Garis panduan akan dikeluarkan secara berperingkat dari semasa ke semasa.
83	For SD, would IRB issued more guideline to taxpayer to guide them on what is dutiable instrument>?	Surat cara yang dikenakan duti adalah seperti yang tersenarai dalam Jadual Pertama Akta Setem 1949.
DIVIDEN		
84	Is dividend declared by a company from its foreign-source dividend income to its shareholders in Malaysia exempted from tax?	Pendapatan dividen yang dibayar, diagihkan dan dikreditkan kepada individu daripada syarikat pemastautin di Malaysia adalah tertakluk kepada Cukai Dividen walaupun dividen tersebut daripada punca pendapatan luar negara.
INSENTIF		
85	ACA sehingga RM4K tersebut adakah terhad kepada bilangan tertentu? Jika saya pasang seunit pada setiap 10 biji lori saya bolehkah saya enjoy ACA sehingga RM40K?	Ya. ACA diberi kepada setiap unit <i>Speed Limitation Device</i> (SLD) terhad kepada RM4,000/unit.
86	If SLD exceeds RM4,000 per unit, does the normal rules applied to the amount exceeded. Exp, SLD RM5,000 per unit, RM4,000 (Total CA claimed is RM4,000), RM1,000 (Total CA claimed is RM4000), right?	Ya.
87	kenderaan persendirian yang digunakan untuk pengambilan atau pengangkutan barang, walaupun berdaftar sebagai nama individual, dan mempunyai (BDM) melebihi 3,500 kg, perlu dipasang SLD	Pemasangan SLD adalah bagi kenderaan berat yang dikeluarkan sebelum 1 Januari 2015 tetapi tidak dilengkapi dengan peranti SLD bagi kategori berikut: (i) Kenderaan barangan dengan Berat Dengan Muatan (BDM) melebihi 3,500 kg; dan (ii) Kenderaan penumpang dengan BDM melebihi 5,000 kg dan melebihi 8 penumpang.
88	Untuk 2026, adakah insentif/pelepasan cukai bagi menggaji warga emas terpakai kepada pekerja baru yang diambil atau turut meliputi pekerja warga emas sedia?	Potongan cukai bagi penggajian pekerja warga emas sedia ada boleh dituntut di bawah P.U.(A) 164/2019 yang berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2019. Insentif di bawah Belanjawan 2026 adalah lanjutan bagi tuntutan tahun taksiran 2026 sehingga tahun taksiran 2030.

89	For senior citizen salary deduction purposes, the angpow payment is also subject to the RM4,000 per month restriction, similar to the bonus?	Tidak. Hanya perbelanjaan saraan kepada warga emas layak mendapat insentif potongan tambahan.
90	Is a monthly salary of RM4,000 subject to additional tax deductions for a Senior Employee (60 Years Old), including incentives, unpaid leave, and angpow	Insentif adalah berbentuk potongan tambahan yang diberi adalah terhadap kepada RM4,000 ke atas saraan yg dibayar kepada warga emas (tidak termasuk insentif, unpaid leave dan angpow). Keseluruhan perbelanjaan gaji warga emas telah dibenarkan di bawah subseksyen 33(1) ACP.
91	Should the amount of deduction for a senior citizen be based on the amount declared in the EA Form (payment basis), or should it follow the Profit & Loss account (accrual basis)?	Jumlah dibenarkan adalah mengikut amaun di dalam penyata untung dan rugi syarikat.
92	Adakah amaun perkuisit seperti insuran perlu diambilkira dalam kiraan untuk tolakan tambahan cukai bagi pekerja warga emas berumur 60tahun?	Hanya saraan (gaji yg dibayar) diambil kira untuk potongan tambahan tidak termasuk amaun perkuisit.
93	Incentive for care workers - what is the definition of care workers?	"Pekerja jagaan" ertinya seorang individu yang bekerja sebagai pekerja jagaan di pusat penjagaan berdaftar untuk orang tua, kanak-kanak berkeperluan khas dan orang kurang upaya.
94	Tax deduction for contribution to Kampung Angkat & Sekolah Angkat MADANI programs and Sejahtera MADANI initiative - are there any conditions and restrictions? Full deduction?	Penentuan polisi oleh MOF dan akan dikeluarkan dalam garis panduan.
95	Insentif AI included subscription to chatgpt?	Syarat insentif akan diperincikan di dalam perundangan subsidiari yang akan diwartakan.
96	AI Training - If paid by HRDF or claim back from HRDF - can still qualify for 50% further deduction? What is the mechanism to claim, purely based on supporting docs with no amount incurred in the P&L?	Syarikat tidak layak mendapat potongan tambahan 50% sekiranya kos latihan tidak ditanggung oleh syarikat.
97	Kos latihan AI jika telah dituntut dengan HRDF masih boleh mendapat pelepasan cukai?	Tidak.
98	Regarding further tax deduction for approved training programmes, training expenses incurred are eligible for further tax deduction, while HRDF contribution eligible for single tax deduction?	Majikan yang membuat sumbangan levi yang diwajibkan kepada HDRF adalah suatu potongan yang dibenarkan di bawah subseksyen 33(1) ACP.
99	The government plans to provide an additional 50% tax deduction to MSMEs for training costs related to AI & cybersecurity - Who should make the application? If it for once in 2 years, how does it work	Syarat insentif akan diperincikan di dalam perundangan subsidiari yang akan diwartakan.
100	Tax deduction for Renovation and refurbishment, is RM500, 000 per year or total claim RM500,000? This is applicable for the business address?	Syarat akan diperincikan di dalam perundangan subsidiari yang akan diwartakan.

101	will IRB provide a list of items which entitled for tax deduction under renovation and refurbishment?	Syarat akan diperincikan di dalam perundangan subsidiari yang akan diwartakan.
102	Renovation & refurbishment for tourism business - tax deduction up to RM500K, does this include hotel?	Pengusaha projek pelancongan yang layak adalah yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.
103	Tax deduction on costs of renovation and refurbishment for tourism - what is the scope of qualifying expenditure & whether the qualifying expenditure is required to be certified by external auditors?	Akan diperincikan di dalam perundangan subsidiari yang akan diwartakan.
104	Tax incentive for tour operators - How to calculate incremental income derived from inbound packages? Specific formula? Eligibility criteria?	Akan diperincikan di dalam perundangan subsidiari yang akan diwartakan.
105	What is means by incremental income for tour operator?	Perbezaan antara nilai pendapatan perniagaan yang layak daripada pengendalian pakej pelancongan ke Malaysia dalam tempoh asas itu dengan tempoh sebaik sebelum tempoh asas itu.
106	Slide 33: How is "incremental income" defined? Specifically, for the first year, what should it be compared against to determine the increment?	
107	Apakah yang dimaksudkan Pengusaha projek pelancongan? Pengusaha hotel termasuk?	Pengusaha projek pelancongan adalah pengusaha yang menjalankan suatu projek pelancongan bukan penginapan, yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.
108	Tax deduction on renovation and refurbishment costs for Tourism - What are the conditions for eligibility? If the renovation work commenced before 11.10.25 & continues beyond that date, still qualify?	Syarat akan diperincikan di dalam perundangan subsidiari yang akan diwartakan.
109	Tax Incentive for organising arts, cultural, sports and recreational activities - What are the arts, cultural, tourism, international sports and recreational activities covered in this incentive?	i. skop diperluas kepada aktiviti pelancongan yang diluluskan MOTAC (tidak termasuk persembahan konsert); ii. lokasi aktiviti kesenian, kebudayaan dan pelancongan diperluas kepada mana-mana lokasi di Malaysia yang diluluskan MOTAC; iii. pertandingan sukan dan rekreasi bertaraf antarabangsa yang diluluskan oleh Kementerian Belia dan Sukan.
110	where to find the list for co in food industry qualify for incentives?	Senarai boleh didapati dalam Garis Panduan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).
111	Tax incentive for food security - Budget speech states food production while appendix states food security, what is the definition of food security?	Galakan Pengeluaran Bahan Makanan dijenamakan semula kepada Galakan Cukai bagi Keterjaminan Makanan yang bertujuan untuk memastikan bekalan dan sekuriti makanan dalam negara terjamin
112	Please clarify "Domestic market". Taxpayer sell to a distributor in Malaysia but the distributor may export to overseas market. Will this affect the taxpayer's eligibility to enjoy the incentive?	Insentif ini hanya terpakai kepada pasaran tempatan sahaja bagi memastikan bekalan dan sekuriti makanan dalam negara terjamin.

113	Are there any incentives available for closed house chicken rearing? Can you please elaborate further on how can SME businesses qualify and apply for this?	Insentif bagi sistem reban tertutup bagi penternakan ayam telah dilaksanakan sejak Belanjawan 2023 dan akan tamat pada 2025. Insentif di bawah Belanjawan 2026 akan dilaksanakan bagi automasi sektor pertanian termasuk bagi sistem reban tertutup untuk penternakan ayam. KPKM akan menyediakan Garis Panduan bagi tujuan ini. Syarat kelayakan dan kadar akan diperincikan di dalam perundangan subsidiari yang akan diwartakan.
114	Is Automation of Agriculture Sector including of oil palm industry? Harvesting via automation equipment cover under this incentive?	Aktiviti yang layak bagi Galakan Automasi Pertanian adalah aktiviti penanaman, penternakan, apikultur, akuakultur dan perikanan tangkapan.
115	Bagi pembinaan reban tertutup, ini belanja adalah "capitalised" atau "Expensed off"? Jikalau capitalised macam mana claim 200% ? ACA rate terus 200% ?	Pemberian insentif adalah seperti berikut: • 100% ACA (20% Elaun permulaan, 80% Elaun tahunan). • Pengecualian cukai pendapatan atas 100% perbelanjaan modal yang layak.
116	Green investment tax allowance (GITA) - 100% GITA is granted to company that use locally manufactured MyHIAU Mark-certified green technology products for own use. Could you please elaborate further?	Kadar GITA diberi sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal yang dilakukan bagi tempoh 1 Januari 2026 sehingga 31 Disember 2026 ke atas pembelian suatu aset teknologi hijau bagi tujuan perniagaan. Aset teknologi hijau yang dibeli hendaklah dikilangkan secara tempatan, diperakui dengan pensijilan MyHIAU Mark dan berdaftar di bawah MyHijau Directory.
117	If the company purchases solar panels for its own use, can it claim both Capital Allowance (IA – 20% and AA – 14%) and GITA at 100%?	Syarikat boleh menuntut elaun modal dan GITA bagi pembelian panel solar untuk kegunaan sendiri sekiranya ia memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Jadual 3, Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi tuntutan elaun modal dan perundangan subsidiari yang diwartakan bagi tuntutan GITA.
118	Currently, child care allowance is entitled tax exemption of RM2,400. With the proposal of child care fees relief increase to RM3,000. Do IRB consider to increase child care allowance too?	Penentuan polisi oleh MOF.
119	Legally can we claim the exemption or deductions if the PU(A) has not been gazetted?	Tidak, tuntutan tidak boleh dibuat. Pembayar cukai boleh membuat permohonan relif di bawah seksyen 131A ACP 1967 dalam tempoh 5 tahun selepas P.U.(A) tersebut diwartakan. Hanya permohonan kepada pihak berkuasa sahaja yang boleh dibuat.
MALAYSIAN INCOME TAX REPORTING SYSTEM (MITRS)		
120	Slide 45 MITRS, may I know since when an individual is mandatory to submit doc via MITRS?	Mulai TT 2025, pembayar cukai kategori syarikat dan selain syarikat yang menjalankan perniagaan diwajibkan untuk mengemukakan maklumat dan dokumen melalui MITRS. Walau bagaimanapun, pelaksanaan adalah secara berperingkat bermula dengan kategori syarikat dan PLT bagi TT 2025. Pelaksanaan bagi kategori lain akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.
121	Does individual taxpayers have to submit MITRS also? Starting from 1/4/2025 is only company have to submit right?	
122	MITRS is mandatory for individual taxpayers for YA2025? As per LHDN website, only company and LLP are mandatory, but not mentioned for individual taxpayers, please clarify	

123	What type of information documents need to be submitted for individual taxpayer for MITRS? Current the faq only for com	Pelaksanaan bagi kategori lain akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.
124	MITRS for individuals - is it only for individuals with business income or for the WHOLE public?	
125	current MITRS not only covered LLP and C? when individual taxpayer (B/BE/M) will need to submit MITRS?	
126	MITRS for individual with business income only or include of non-business income also?	
127	Can we request longer grace period of time for submit MITRS for partnership (e.g. 90days after the Form P due date).As taxpayer lacking knowledge to submit MITRS. The burden will pass to tax agent	Tiada permohonan lanjutan masa dibenarkan bagi pengemukaan dokumen yang ditentukan.
128	MITRS - can the date of submission be extended as per date of EOT?	Ya. Tempoh pengemukaan dokumen yang ditentukan adalah selepas mengambil kira mana-mana tempoh tambahan masa yang dibenarkan oleh HASiL bagi pengemukaan borang nyata, jika ada.
129	Saya nak tanya untuk MITRS adakah pengarah syarikat sahaja yang boleh submit butang submit atau dibenarkan wakil syarikat yang dilantik pengarah boleh tekan butang submit itu?	Tanggungjawab pengemukaan dokumen adalah terletak kepada orang yang layak kena cukai menurut peruntukan seksyen 66 hingga seksyen 75B ACP 1967. Pembayar cukai juga boleh melantik ejen cukai berlesen di bawah seksyen 153 ACP 1967 bagi tujuan pengemukaan dokumen.
PELEPASAN CUKAI INDIVIDU - PEMVAKSINAN		
130	Can all types of vaccinations approved by NPRA be claimed, even if the vaccine was obtained outside Malaysia? [Law sedia ada hanya mengenakan sekatan syarat tuntutan vaksin hendaklah disahkan pengamal perubatan Malaysia bagi vaksin ibu bapa, datuk dan nenek sahaja. Untuk vaksin diri sendiri, pasangan dan anak law is open *To address in Law]	Pemvaksin ibu bapa, datuk dan nenek hendaklah dibuat di Malaysia. Untuk pelepasan cukai pendapatan individu, skop vaksin yang layak mestilah jenis vaksin yang didaftarkan dan diluluskan penggunaannya oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), Kementerian Kesihatan.
131	Tax relief for vaccination of RM 1,000 is maintained as part of tax relief for medical treatment expense of RM 10,000?	Ya.
132	Life and Medical Insurance - Suggest to allow insurance paid for parents allowed for pelepasan for individual tax.	Penentuan polisi oleh MOF.
PELEPASAN INDIVIDU - MESIN RINCIH SISA MAKANAN DAN CCTV		
133	An individual purchased food waste grinder in 2026.In 2027, the individual cctv. The individual can claim the relief of RM2,500 in 2026 (waste grinder) and 2027(cctv). Please confirm	Ya.
134	How much is the limit incentive for cctv and grinder?	Potongan sebanyak RM2,500 dibenarkan sekali dalam tempoh 2 tahun taksiran.
135	If I bought CCTV for household use in Jan 2026 and Oct 2026, can I claim both expenses?	Ya. Potongan dibenarkan bagi pembelian dan pemasangan CCTV untuk kegunaan isi rumah terhadap kepada RM2,500. Potongan ini dibenarkan sekali dalam tempoh 2 tahun taksiran.

136	An individual purchased cctv can claim relief of RM2,500 in YA26 and 27. To claim only need to retain invoice on CCTV purchased?	Potongan sebanyak RM2,500 dibenarkan sekali dalam tempoh 2 tahun taksiran. Oleh itu, pembayar cukai hanya boleh menuntut potongan bagi TT 2026 atau 2027 sahaja, Resit pembelian CCTV hendaklah disimpan bagi tujuan pengauditan.
137	Pelepasan cukai utk installation CCTV, jika individu mempunyai pemilikan lbh dr 2 rumah, adakah boleh menuntut kedua2nya sekali, dgn syarat tidak lebih dr jumlah pelepasan dan dlm tempoh yg ditetapkan	Ya. Tuntutan perbelanjaan televisyen litar tertutup untuk rumah kediaman boleh dibuat dengan syarat tidak lebih dari jumlah pelepasan yang dibenarkan dan dalam tempoh ditetapkan.
138	CCTV wireless household use, can be claim deductible relief?	Ya.
139	Can i ask for CCTV does it include portable home security camera (eg: Mi Home Security Camera)	Ya.
PELEPASAN CUKAI INDIVIDU - PELANCONGAN DOMESTIK		
140	Pusat pelancongan, adakah termasuk aquaria klcc / zoo negara atau contoh contoh pusat pelancongan dan kebudayaan.	Contoh pusat pelancongan seperti muzium, taman tema, taman negara, taman laut, zoo dan geopark.
141	Tax relief for domestic tourism RM1k termasuk hotel accomodation, traveling ticket & tolls?	Tidak. Tuntutan pelepasan dihadkan kepada fi kemasukan ke pusat tarikan pelancong dan program kebudayaan sahaja.
142	Is buying ticket to watch orchestra performance in Dewan Philharmonik consider cultural and art programmes that can claim individual tax relief of RM1,000 as entrance fees	Ya, sekiranya program tersebut diluluskan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia.
143	Must individual relief for domestic tourism be verified by the Ministry of Tourism?	Individu tidak perlu mendapatkan pengesahan daripada Kementerian Pelancongan (MOTAC) untuk menuntut pelepasan bagi perbelanjaan fi kemasukan ke pusat pelancongan dan program kebudayaan.
144	For tourism tax relief of RM 1,000, is it include any cultural and art program? Do comedy show part of cultural and art programs? Any limit of times? Claim for individual and parents?	Program kesenian dan kebudayaan yang dianjurkan berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh MOTAC.
145	untuk incentif pelancongan. Bagaimana jika bayar harga pakej termasuk penginapan dan tiada harga pengasihian, berapa maximum boleh claim	Tuntutan pelepasan dibenarkan ke atas perbelanjaan bayaran fi kemasukan ke pusat pelancongan dan program kebudayaan sahaja tidak termasuk penginapan. Tuntutan tidak dibenarkan sekiranya amaun perbelanjaan bayaran fi tersebut tidak dapat ditentusahkan.
146	Incentive for domestic tourism included admission fees for theme parks?	Ya.
147	The RM1,000.00 relief entrance fees is very helpful. Could the government consider extending it to include hotel stays in Malaysian heritage destinations like Melaka, Penang, Sabah and Sarawak	Penentuan polisi oleh MOF.
148	Premis diperluaskan kepada pusat jagaan harian atau pusat transit yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Insentif ini hanya untuk pusat jagaan berdaftar sahaja ke?	Ya. Premis penjagaan anak yang layak diperluas meliputi pusat jagaan harian atau pusat transit yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

149	For child care fees incentive, the age limit is up to 12 years old or above 12 years old?	Had umur bagi anak dinaikkan daripada 6 tahun kepada 12 tahun.
PENSTRUKTURAN ANSURAN		
150	With the restructuring of tax instalments, will there be any changes in timeline to submit revised tax estimates where applicable?	Tiada. Pengemukakan ansuran cukai pindaan masih mengikut peruntukan sedia ada.
151	Proposal on restructuring of instalments during transition period - the final pyt will ends in the 11th month. With this, is the revision of estimated tax in the 11th month still applicable? or the amendment for tax instalment, do we still can do revision for 11th month in YA2027.	Ya. Semakan anggaran cukai masih terpakai sehingga bulan ke-11. Walaupun ansuran terakhir jatuh pada bulan ke-11, pembayar cukai masih boleh mengemukakan semakan anggaran cukai sebelum tarikh akhir yang ditetapkan.
152	How's 11th revision of tax estimate apply in YA2027 ? Only impact 11th instalment ie last instalment for YA2027 ?	Semakan ke-11 anggaran cukai (CP204) dalam TT 2027 hanya akan memberi kesan kepada ansuran yang masih berbaki selepas semakan dikemukakan. Jika semakan dibuat pada bulan ke-11, ia secara umumnya hanya memberi kesan kepada ansuran ke-11 sahaja kerana semua ansuran sebelumnya telah dibayar berdasarkan anggaran terdahulu.
153	Bagaimana bayaran bagi tahun taksiran yang tempoh asasnya tutup selain 31/1? Contoh tutup 31/3?	Akan diperjelas dalam Garis Panduan yang akan dikeluarkan oleh LHDNM.
154	Utk tempoh peralihan TT 2027 adakah 11 month revision masih boleh dilakukan seperti biasa? Sekiranya boleh, adakah perubahan hanya akan berlaku pada bulan ke-11 sahaja?	Ya.
155	Slide 51. Will there be changes in the payment due date, ie from 15th to 30th/end of the month? As the concept is PAYE, it is wiser to ascertain the instalment amt based on the full month performance.	Buat masa sekarang tiada pindaan berkaitan tarikh bayaran ansuran.
SET OFF CREDIT		
156	Slide 57. Pls confirm that credit set off will resume on 1.1.2026. Thank you.	Ya.